



Headline: Empat individu terjerat sindiket penipuan siber
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 27 August 2019

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 19

Empat individu terjerat sindiket penipuan siber

Kepala Batas: Tiga wanita dan seorang lelaki terjerat dengan sindiket Macau Scam dan 'Menyamar Kawan' apabila sejumlah RM158,907.75 berjaya dikaut oleh suspek pada kejadian kelmarin dan semalam.

Mangsa yang terdiri daripada ejen hartanah, peniaga, suri rumah dan kerani syarikat berusia 39 hingga 48 tahun terpaksa berputih mata selepas mengetahui diri mereka terperangkap dengan sindiket penipuan siber berkenaan.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd Noor, berkata keempat-empat mangsa membuat laporan polis bagi meminta siasatan dijalankan termasuk mengesakan suspek terbabit.

"Semalam (Kelmarin) polis menerima dua laporan yang dibuat oleh mangsa seorang suri rumah berusia 48 tahun dan ejen hartanah berusia 39 tahun yang mengatakan mereka ditipu lelaki yang mendakwa dia seorang anggota polis berpangkat inspektor.

"Menurut mangsa, inspektor terbabit memaklumkan mereka mempunyai tunggakan kad kredit dan perlu menjelaskan bayaran sekiranya tidak mahu ditahan," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, ekoran bimbang dan berada dalam ketakutan ejen hartanah berkenaan memasukkan wang berjumlah RM53,900 manakala suri rumah itu pula memindahkan sejumlah RM69,006.65 ke dalam akaun yang diarahkan suspek sebelum mengetahui diri mereka ditipu.

"Hari ini (Semalam) pula, terdapat dua lagi mangsa membuat laporan polis membabitkan seorang peniaga berusia 45 tahun dan kerani syarikat berusia 40-an.

"Peniaga itu memberitahu bahawa dia mengalami kerugian RM11,500 selepas menerima panggilan dari seorang inspektor manakala kerani syarikat itu pula wang simpanannya berjumlah RM24,501.10 lebur apabila ditipu seorang individu yang menyamar sebagai rakannya," katanya.

Mengulas lanjut, Noorzainy berkata, orang ramai dinasihatkan supaya lebih peka terhadap kegiatan jenayah siber yang semakin menular dan tidak panik apabila berdepan dengan situasi berkenaan.

"Hampir setiap hari kejadian jenayah siber dilaporkan namun masih ada lagi individu yang terpedaya dengan sindiket yang menggunakan modus operandi sama untuk menipu mangsa.